

REMAJA DAN MASALAHNYA MENGIKUT MPCL (MOONEY PROBLEM CHECK LIST)

**Siti Rohayu Ahmadan
Khaidzir Hj Ismail
Universiti Kebangsaan Malaysia**

Abstrak

Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti permasalahan remaja mengikut MPCL di kalangan pelajar tahun 1 UKM dan pelajar tingkatan enam. Sampel kajian terdiri daripada 100 orang remaja iaitu 50 orang lelaki dan 50 orang perempuan. Alat pengukuran MPCL digunakan yang merangkumi senarai permasalahan remaja daripada pelbagai aspek iaitu kesihatan dan perkembangan fizikal, kewangan, kehidupan & pekerjaan, aktiviti sosial, hubungan sosial dan psikologikal, hubungan personal-psikologikal, pergaulan dan seks, keadaan keluarga, pelajaran dan kerjaya masa depan, penyesuaian terhadap kuliah/sekolah dan aktiviti moral dan keagamaan. Keputusan yang diperolehi adalah tidak wujud perbezaan yang signifikan permasalahan remaja dengan peringkat pengajian. Dari aspek perkembangan psikologi, kalangan remaja yang berada di akhir pengajian sekolah menengah dan tahun awal peringkat universiti tiada perbezaannya kerana masih dalam perkembangan yang sama dan dijangka apabila mencapai umur dua puluhan akan nampak perubahan ke arah dewasa awal dan lebih matang apabila persekitaran kampus dan pengajian di peringkat universiti akan memamatkan lagi kedewasaan.

Abstract

The objective of this study was to identify problems faced by teenagers based on the MPCL among UKM first year and form six students. Samples involving 50 females and 50 males. MPCL which covered various aspects of teenager problems such as health, physical developments, financial, life and work, social activities, social and psychological relationships, personal-psychological relationships, friendships and sex, family background, education and future career, adaptation to lectures/school and religious and moral activities. The findings showed that there was no significant difference between teenager

problems and level of education. From the aspect of psychological development, there was no difference between teenagers in their final school year and the early years of university students as they were in the same developmental stage. They were expected to show some changes towards early adulthood and maturity in their 20's as campus life and university level of education would further mature their adulthood.

PENGENALAN

Golongan remaja mewakili 40% daripada 18 juta penduduk negara ini. Mereka adalah golongan yang bakal mengisi tempat sebagai pemimpin masa depan negara. 'Remaja' berasal dari bahasa latin iaitu *adolescere* yang bererti *to grow* atau *to grow maturity* (Golinko, 1984 dalam Rice, 1990).

Zaman remaja merupakan peringkat perantaraan antara zaman kanak-kanak dan dewasa. Jika dilihat daripada segi umur, ada para sarjana mengkategorikan remaja sebagai berumur antara 10 hingga 22 tahun, ia dikategorikan sebagai awal remaja (10-14 tahun) pertengahan remaja (15-17 tahun) dan akhir remaja (18-22 tahun). (David, E.B 1995). Walau bagaimanapun Papalia dan Olds (2001) tidak memberikan pengertian remaja (*adolescent*) secara eksplisit melainkan secara implisit melalui pengertian masa remaja (*adolescence*). Menurut mereka masa remaja adalah masa transisi perkembangan antara masa kanak-kanak dan masa dewasa yang pada umumnya dimulai pada usia 12 atau 13 tahun dan berakhir pada usia akhir belasan tahun atau awal dua puluhan tahun.

Menurut Rohaty (1998), Habibah dan Noran Fauziah (1997), Muhd. Mansur dan Siti Nordinar (1988), remaja merupakan zaman peralihan dalam pusingan hidup seseorang. Banyak perubahan yang berlaku pada zaman ini, sama ada dari segi fizikal atau emosi. Keremajaan merupakan satu jangka masa yang mencabar dalam perkembangan seseorang. Rogers (1972), membahagikan masa remaja kepada tiga peringkat iaitu awal remaja (12-15 tahun), pertengahan remaja (15-18 tahun) dan akhir remaja (18-22 tahun). Namun begitu, umur akhir remaja masih dipertikaikan lagi kerana terdapat perbezaan budaya dan negara yang membezakan peringkat akhir remaja. Steinberg (1993) dan Steinberg dan Belsky (1991) mengemukakan teori pergolakan dan tekanan

mengatakan masa remaja adalah satu peringkat pertikaian emosi yang tidak dapat dielakkan. Beliau percaya perubahan hormon semasa akil baligh menyebabkan perubahan atau pergolakan yang berlaku secara tiba-tiba di kalangan remaja. Pergolakan ini adalah perubahan biologi yang tidak dapat dielakkan. Manakala, Piaget (dalam Woolfolk 1995) menjelaskan perkembangan kognitif waktu remaja melibatkan satu peralihan daripada konkrit hinggalah kepada operasi formal. Zaman operasi formal bermula dari umur 11 hingga 15 tahun. Dalam zaman ini remaja, struktur kognitif kanak-kanak mencapai tahap paling kemuncak.

Papalia & Olds (2001) berpendapat bahawa masa remaja merupakan masa antara kanak-kanak dan dewasa. Walaubagaimanapun Anna Freud (dalam Hurlock, 1990) berpendapat bahawa pada masa remaja terjadi proses perkembangan meliputi perubahan-perubahan yang berhubungan dengan perkembangan psikoseksual, dan juga terjadi perubahan dalam hubungan dengan orang tua dan cita-cita mereka, di mana pembentukan cita-cita merupakan proses pembentukan orientasi masa depan. Transisi perkembangan pada masa remaja bererti sebahagian perkembangan masa kanak-kanak masih dialami namun sebagian kematangan masa dewasa sudah dicapai (Hurlock 1990).

Selain itu, remaja juga sering terdedah dan terjerumus dengan masalah sosial. Masalah-masalah seperti ponteng sekolah, lepak, seks bebas, lumba haram dan sebagainya merupakan duri dalam daging dalam kehidupan remaja. Semua masalah tersebut memberi impak negatif terhadap kehidupan serta masa depan remaja itu sendiri. Perkara-perkara ini terjadi kerana remaja lazimnya akan menghadapi konflik peribadi yang dikenali sebagai krisis identiti. Erikson menyatakan bahawa semua remaja mengalami konflik sosial di antara pengertian identiti diri dengan kekeliruan peranan yang ada pada mereka mengenai siapakah diri mereka sebenarnya dan bagaimanakah hidup mereka pada masa hadapan.

KAJIAN LEPAS

Mooney (1942) telah menyenaraikan masalah remaja yang berumur 16 hingggaa 18 tahun seperti berikut:

- a) Kesihatan dan jasmani
- b) Kewangan, kehidupan dan pekerjaan
- c) Aktiviti hiburan dan sosial
- d) Pergaulan muda-mudi, seks dan perkahwinan
- e) Hubungan sosial-psikologi
- f) Keluarga dan rumah tangga
- g) Masa hadapan dari segi kerjaya dan pendidikan
- h) Kurikulum dan kaedah penyelidikan

Abdul Halim Othman (1984) telah menganalisis masalah penyesuaian bagi pelajar-pelajar Melayu di beberapa buah universiti dan kolej di Amerika Syarikat. Seramai 293 orang pelajar telah dijadikan sampel kajian. Alat yang digunakan untuk kajian ini ialah *Adjustment Problem Inventory* (API) dan soal selidik data peribadi. Keputusan kajian menunjukkan:

1. Masalah akademik yang paling kerap ialah berhubung dengan bahasa.
2. Masalah peribadi yang paling kerap ialah berhubung dengan kewangan dan kehidupan agama atau spiritual.
3. Masalah sosial yang paling kerap ialah berkaitan dengan hubungan sosial antara peribadi dan adaptasi kepada undang-undang serta institusi orang Amerika
4. Kesan umur yang signifikan terdapat pula beratnya masalah sosial, lamanya masalah akademik dan sosial
5. Kesan jurusan pelajaran didapati signifikan pada berat dan lamanya masalah akademik.
6. Kesan taraf akademik yang signifikan didapati pada beratnya masalah akademik.
7. Kesan lama bermastautin yang signifikan didapati pada beratnya masalah akademik.
8. Kesan ke atas taraf perkahwinan yang signifikan didapati pada beratnya masalah akademik, sosial dan peribadi.

Norulhuda Sarnon dan Khaidzir bin Hj. Ismail (1997) telah menjalankan kajian tentang permasalahan remaja iaitu Ponteng Sekolah dan Profail EQ Remaja. Kajian yang dijalankan ini bertujuan

untuk melihat profil EQ di kalangan pelajar yang ponteng sekolah. Seramai 191 orang pelajar yang terdiri daripada 93 orang pelajar ponteng sekolah dan 98 orang pelajar yang tidak bermasalah di antara tahap umur 13 hingga 18 tahun telah diambil sebagai subjek kajian. Alat ukuran yang digunakan ialah *The EQ Map for Self Assessment*. Hasil kajian yang diperolehi telah menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan profil EQ yang signifikan di antara pelajar yang ponteng sekolah. Dalam kajian ini masalah ponteng sekolah boleh dikaitkan dengan penyesuaian terhadap kerja sekolah/kuliah. Hal ini kerana pelajar yang tidak berminat untuk hadir ke sekolah merupakan pelajar yang mempunyai masalah berkenaan hal tersebut. Hal ini sama dan berkesinambungan dengan kajian yang dijalankan oleh Siva Kumar (1998) yang mendapati bahawa terdapat alasan yang remeh-temeh diberikan oleh pelajar-pelajar ponteng sekolah seperti malas, tiada mood ke sekolah, takut dimarahi guru kerana tidak menyiapkan tugas dan seumpamanya. Hal ini menggambarkan bahawa remaja tersebut mempunyai masalah.

Kajian lain yang dijalankan oleh Khaidzir Hj. Ismail (2007) berkenaan masalah remaja ialah Kajian profil remaja perempuan risiko tinggi. Kajian yang selama tiga bulan itu bermula dari Oktober 2006 dan berakhir pada Disember 2006 itu membabitkan pelajar menengah terdiri daripada tingkatan satu hingga lima. Seramai 20 orang pelajar berisiko tinggi daripada setiap sekolah dipilih kaunselor sekolah masing-masing sebagai responden. Kebanyakan daripada mereka datang dari kalangan keluarga bermasalah dan tinggal di rumah setingan. Hasil laporan awal yang mendapati daripada 887 pelajar perempuan yang diwawancara, hampir kesemuanya kecuali seorang mengaku pernah melakukan hubungan seks. Selain itu, hasil kajian awal ini adalah selaras dengan kajian yang dijalankan oleh *Durex Global Sex Survey* 2004 yang mendapati usia purata remaja wanita Malaysia melakukan hubungan seks kali pertama adalah 19 tahun. Manakala satu lagi kajian menunjukkan di Malaysia seawal usia 12 tahun telah pernah melakukan hubungan seks.

Khairil Anwar & Khaidzir Hj. Ismail (2004) telah menjalankan kajian Jenayah Remaja: Satu Kajian Dalam Perspektif Psikologis. Kajian yang dilakukan ini adalah untuk melihat fenomena personaliti dikalangan remaja banduan seramai 80 orang dengan menggunakan

alat pengukuran 16PF dan disertai juga dengan mengukur personaliti remaja pondok seramai 71 orang sebagai kumpulan kawalan untuk melihat tret personaliti remaja banduan dan perbandingannya dengan tret personaliti remaja pondok. Hal ini kerana mereka adalah mereka merupakan remaja yang hidup dalam jangka masa transisi dalam perspektif psikologi perkembangan manusia. Hasil daripada kajian ini telah mendapati bahawa kesamaan personaliti banduan remaja dengan remaja pondok adalah satu gamabaran bahawa personaliti remaja adalah personaliti dalam mencari identiti yang harus dibimbing penuh oleh guru dan ibu bapa serta kebijaksanaan kerajaan untuk membantu menjalankan program untuk membentuk remaja yang berakhlak dan berilmu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian lapangan ini menggunakan soal selidik dari MPCL yang mengukur permasalahan antara mahasiswa tahun satu dengan pelajar-pelajar tingkatan enam.

SUBJEK KAJIAN

Kajian ini dijalankan di kalangan mahasiswa UKM tahun satu yang berumur dalam lingkungan 19 hingga 21 tahun dan pelajar tingkatan enam daripada SMK Kajang Utama dan SMK Abdul Rahman Talib yang berumur lingkungan 18 hingga 19 tahun. Seramai 100 subjek diperlukan untuk tujuan kajian ini. Subjek dipilih adalah berdasarkan persampelan bertujuan, iaitu seseorang subjek dipilih kerana ada padanya kriteria yang diperlukan untuk kajian ini. Subjek telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu 50 orang lelaki dan 50 orang perempuan yang terdiri daripada bangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain. Selain itu subjek juga terdiri daripada pelbagai aliran seperti sastera, kemanusiaan, sains, dan kejuruteraan.

ALAT UJIAN

Alat ujian yang digunakan dalam kajian ini ialah *Mooney Problem Check List* (MPCL) yang telah direka oleh Mooney pada tahun 1950 bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar sekolah, kolej dan institusi pengajian tinggi. MPCL merupakan semakan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Soal selidik ini bukanlah satu ujian yang sebenarnya. Oleh yang demikian tidak ada skor-skor yang diberikan kepada setiap kenyataan yang diberikan (Sax 1974). Walau bagaimanapun, senarai semakan ini merupakan satu alat untuk melihat dan mengetahui jenis-jenis masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar sekolah dan juga institusi pengajian tinggi.

Mooney telah membahagikan masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelajar di peringkat ini kepada 11 jenis yang mengandungi 30 item bagi setiap jenis masalah. Namun, untuk kajian ini, pengkaji menggunakan 10 jenis masalah dan mengurangkan kepada 10 item masalah dalam setiap jenis masalah. Hal ini dilakukan kerana 10 item setiap jenis masalah dapat mewakili masalah yang dihadapi oleh remaja.

Oleh kerana MPCL telah dicipta oleh Mooney untuk golongan pelajar di Barat, maka ianya telah diubahsuai untuk digunakan di Malaysia. Oleh yang demikian Musa Daia (1977) telah menjalankan beberapa langkah untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik ini yang telah disesuaikan daripada senarai semakan asal. Abdul Halim Wan Othman dan Wan Rafaei Abdul Rahman telah juga telah menterjemahkan soal selidik ini dengan menggunakan kaedah *back traslation* untuk menghasilkan kesetaraan alat kajian tersebut

Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Soal selidik jenis ini digunakan kerana ia membenarkan subjek memilih satu jawapan sahaja daripada pelbagai pilihan jawapan yang diberikan. Borang maklumat diri dalam soal selidik ini menyentuh tentang biodata diri subjek secara umum. Maklumat umum di dalam bahagian A mengandungi 6 item yang ditanya ianya adalah terdiri daripada jantina, bangsa, tingkatan atau tahun pengajian, aliran atau fakulti, bilangan adik beradik dan tempat tinggal. Bahagian ini diperlukan untuk mendapatkan maklumat tentang latar belakang subjek

yang dikaji. Bahagian B pula mengandungi 10 item yang setiap satunya mengandungi 10 soalan yang digunakan untuk mengukur permasalahan di kalangan remaja iaitu antara mahasiswa tahun satu dan juga pelajar tingkatan 6.

KEBOLEHPERCAYAAN ALAT UJIAN

Anastasi (1982) menyatakan bahawa kebolehpercayaan merupakan ketekalan kepada skor-skor yang telah didapati oleh individu yang sama pada waktu yang berlainan. Kajian-kajian yang dibuat oleh Gordon (1950), Mooney dan Gordon (1950) dan Abdul Razak Abdul Rahman telah menunjukkan korelasi yang positif terhadap kebolehpercayaan MPCL. Mooney dalam kajiannya mendapati bahawa nilai korelasi ialah $r = 0.93$ bagi korelasi antara item apabila ujian diulangi pada masa yang berbeza. Manakala di Malaysia kebolehpercayaan MPCL telah dilakukan oleh Abdul Razak Abdul Rahman (1979). Beliau telah menggunakan ujian kembali dan Split Half untuk menguji kebolehpercayaan MPCL. Beliau mendapati korelasi keseluruhan bagi Split Half adalah positif iaitu $r = 0.39$. Hal ini menunjukkan bahawa MPCL sesuai digunakan untuk pelajar-pelajar di Malaysia.


TATACARA KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk lapangan yang mana ia dijalankan di luar bilik makmal. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan satu set soal selidik yang mengandungi maklumat diri dan alat kajian. Soal selidik ini telah diedarkan kepada mahasiswa tahun satu di UKM, Bangi dan pelajar tingkatan enam SMK Kajang Utama dan SMK Abdul Rahman Talib. Pengkaji juga tidak menghadkan masa untuk subjek menjawab setiap soalan tersebut. Hal ini demikian kerana pengkaji merasakan dengan cara ini subjek akan lebih selesa dan jujur dalam memberikan jawapan. Kajian ini juga dijalankan pada pertengahan semester kedua sesi 2007/2008 dan juga mengambil masa lebih kurang dua minggu untuk mendapatkan maklumat.

KEPUTUSAN


Deskriptif Pemerihalan Subjek

Bagi gambaran data-data demografik subjek secara lebih jelas dan menyeluruh lagi, carta-carta disediakan mengikut kategori seperti berikut:




RAJAH 1: Carta palang menunjukkan peratusan subjek kajian mengikut jantina

- a) Subjek yang dipilih mengikut jantina ialah seimbang antara keduanya iaitu terdiri daripada 50% lelaki dan 50% perempuan




RAJAH 2 : Graf garis menunjukkan peratusan subjek mengikut bangsa

- b) Subjek yang terlibat dalam kajian ini mengikut bangsa ialah Melayu 62%, Cina 28%, India 9% dan yang paling terendah ialah lain-lain bangsa iaitu sebanyak 1%.




RAJAH 3 : Carta palang menunjukkan peratusan subjek mengikut tahun pengajian

- c) Subjek yang terlibat dalam kajian ini mengikut peringkat pengajian adalah bagi mahasiswa tahun 1 adalah sebanyak 51% dan bagi pelajar tingkatan 6 ialah 49%



RAJAH 4 : Carta pai menunjukkan peratusan subjek mengikut urutan kelahiran

- d) Subjek yang terlibat dalam kajian ini mengikut urutan kelahiran ialah yang tertinggi anak sulung dan anak tengah iaitu masing-masing sebanyak 27%, anak kedua 26%, dan yang paling terendah ialah anak bongsu 20%.




RAJAH 5 : Carta pai menunjukkan peratusan subjek mengikut tempat tinggal

- e) Subjek yang terlibat dalam kajian ini mengikut tempat tinggal ialah yang tertinggi ialah sebanyak 57% daripada bandar dan 43% daripada luar bandar

Analisis Deskriptif Jenis – Jenis Masalah

JADUAL 1 : Min Jenis-jenis permasalahan remaja

Jenis masalah	N	Min
Kesihatan	100	18.35
Kewangan	100	15.88
Sosial	100	19.00
Sosial-psikologikal	100	17.76
Personal-psikologikal	100	18.86
Seks	100	16.05
Keluarga	100	16.47
Keagamaan	100	16.60
Tugasan sekolah/kuliah	100	20.02
Kerjaya masa depan	100	18.99



RAJAH 6 : Carta palang menunjukkan jenis-jenis permasalahan yang dihadapi oleh remaja

a) Analisis Jadual 1

Analisis deskriptif Jadual 1 di atas adalah untuk melihat perbezaan nilai-nilai min di antara semua jenis permasalahan yang disenaraikan di atas. Berdasarkan jadual di atas didapati min paling tinggi di kalangan masalah-masalah remaja ialah masalah tugas sekolah/kuliah iaitu nilai min sebanyak 20.02. Walaubagaimanapun min kedua tertinggi tidaklah menunjukkan perbezaan yang ketara iaitu 19.00 untuk masalah aktiviti sosial. Min ketiga tertinggi pula ialah masalah kerjaya masa hadapan iaitu sebanyak 18.99 hanya berbeza 0.01 min dengan masalah kerjaya masa depan. Nilai min terendah pula ialah untuk masalah kewangan iaitu 15.88 sahaja. Manakala min kedua terendah pula ialah sebanyak 16.05 iaitu untuk masalah seks. Min-min untuk masalah lain mengikut urutan ialah personal-psikologikal (18.86), kesihatan (18.35), sosial-psikologikal (17.16), Agama (16.60), dan keluarga (16.47).

PERBINCANGAN

Banyak kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh remaja. Antaranya ialah kajian yang dibuat di dalam negara yang dilakukan oleh Shahrozat Ibrahim (1980), Khoo Suat Kwee (1981), Chiam Heng Keng dan Nik Azis Nik Pa (1982), Rosli Hashim (1983) Hamidah Husin (1985), Mohamad Hanafiah bin Maulud (1992), dan Noran Fauziah Yaakub dan Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim (1994).

Analisis deskriptif telah dibuat mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh remaja iaitu daripada masalah kesihatan dan perkembangan fizikal, masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan, masalah aktiviti sosial, masalah hubungan sosial dan psikologikal, masalah hubungan personal dan psikologikal, masalah pergaulan dan seks, masalah keadaan keluarga, masalah aktiviti moral dan keagamaan, masalah penyesuaian terhadap kuliah dan kerja sekolah dan masalah pelajaran dan kerjaya masa depan.

Analisis tersebut mendapati bahawa antara 10 item bahagian masalah yang dihadapi oleh para remaja, min yang tertinggi untuk permasalahan ialah masalah penyesuaian terhadap kuliah dan kerja sekolah berbanding dengan masalah-masalah lain iaitu dengan skor min sebanyak 20.02. Dapatan kajian ini menyokong beberapa kajian lain yang turut mendapat keputusan yang sama.

Antaranya ialah Mohamad Hanafiah bin Maulud dalam kajiannya menyatakan bahawa masalah penyesuaian terhadap kerja sekolah/ tugas kuliah merupakan masalah yang paling banyak berlaku di kalangan remaja masa kini. Selain itu dapatan itu turut disokong oleh Noran Fauziah Yaakub dan Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim (1994) yang telah menjalankan kajian ke atas 638 pelajar sekolah menengah. Mereka menyatakan bahawa perkara yang paling membimbangkan remaja dalam kajian tersebut ialah bimbang tentang pencapaian peperiksaan, takut gagal dalam peperiksaan, tidak memahami beberapa matapelajaran, tidak dapat menumpu kepada pelajaran sekolah, bimbang menghadapi peperiksaan, tidak belajar secukupnya, lemah daya ingatan dan tidak tahu belajar secara berkesan.

Masalah yang membelenggu remaja ini berlaku disebabkan mereka tidak dapat menyesuaikan diri dengan tugas yang diberikan oleh guru

mahupun pensyarah. Hal ini kerana mahasiswa tahun satu belum dapat menyesuaikan diri dengan kaedah pembelajaran di universiti manakala pelajar-pelajar tingkatan enam pula masih dalam peringkat penyesuaian dengan pengajian menengah tinggi yang berbeza dengan menengah atas. Selain itu, masalah ini juga timbul disebabkan perasaan bimbang para remaja ini terhadap peperiksaan yang bakal berlangsung. Sistem pendidikan di Malaysia sebenarnya terlalu menekan dan mementingkan peperiksaan di samping masyarakat mengukur kejayaan seseorang melalui keputusan peperiksaan yang dicapai. Zakiah Darajat (1975) menegaskan bahawa masalah belajar dan peperiksaan merupakan masalah utama yang dialami oleh para pelajar, khususnya di negara-negara yang mementingkan peperiksaan. Beliau juga menyatakan bahawa 99.56 peratus pelajar Indonesia turut mengalami perkara yang sedemikian.

Min skor untuk masalah kedua tertinggi ialah masalah aktiviti sosial dengan skor sebanyak 19.00. Dapatan kajian ini menggambarkan bahawa remaja tersebut mempunyai masalah dalam menguruskan aktiviti sosial dengan tidak mempunyai cukup masa untuk aktiviti rekreasi. Hal ini kerana terdapat segelintir remaja yang hanya menumpukan terhadap pelajaran untuk mendapat skor terbaik dalam peperiksaan dan kurang memberi perhatian terhadap aktiviti rekreasi. Selain itu, dengan masalah aktiviti sosial ini, remaja tidak dapat bergaul mesra dengan orang lain dan kurang dapat menyesuaikan diri dan bergaul mesra dengan orang lain.

Walau bagaimanapun, masalah pelajaran dan kerjaya masa depan mendapat min yang paling hampir dengan masalah aktiviti sosial iaitu 18.99, hanya 0.01 kurang dan pengkaji berpendapat ia mempunyai tahap yang sama dengan masalah aktiviti sosial. Kajian yang dijalankan oleh Tiedman dan O'Hara (1959) serta Remmers dan Hadler (1957) menunjukkan bahawa kaum remaja telah mula mengambi berat dan memikirkan tentang kerjaya mereka apabila berada dalam peringkat perkembangan remaja. Menurut teori perkembangan kerjaya oleh Super (dalam Jersid, 1963), menyatakan bahawa kaum remaja biasanya berada di tahap penerokaan di mana individu mula memperoleh beberapa idea mengenai bidang pekerjaan, tetapi belum dapat membuat keputusan yang khusus.

Kajian yang dijalankan oleh Munley (1975) menunjukkan bahawa mereka yang mempunyai pilihan kerjaya yang realistik menunjukkan

perkembangan yang lebih tinggi dalam enam peringkat pertama dalam teori psikososial Erikson. Manakala mereka yang mempunyai masalah pemilihan kerjaya adalah kurang berjaya dalam menyelesaikan peringkat krisis Erikson. Penerokaan kerjaya didefinisikan oleh Blustein (1989) sebagai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh individu untuk menguji diri mereka dan mendapat maklumat daripada persekitaran luaran supaya membimbing mereka dalam membuat keputusan, kemasukan pekerjaan dan proses penyesuaian kerjaya.

Masalah yang mendapat skor min terendah ialah kewangan iaitu 15.88. Hal ini kerana sumber kewangan remaja yang berada di tahap ini sebenarnya banyak bergantung kepada ibu bapa. Malahan bagi pelajar universiti khususnya di IPTA banyak pinjaman-pinjaman dan biasiswa yang disediakan seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), MARA dan sebagainya untuk membantu mahasiswa dari segi kewangan. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika masalah kewangan bukanlah merupakan masalah yang paling utama yang membelenggu remaja negara kita.

Manakala masalah-masalah lain seperti masalah kesihatan dan perkembangan fizikal, ramai remaja mengalami masalah ini. Dalam perkembangan fizikal, lazimnya kaum remaja akan mengalami masalah untuk menerima bentuk dan saiz badan mereka. Persepsi kaum remaja terhadap perubahan fizikal ini akan mempengaruhi perkembangan emosi mereka. Para remaja yang tidak dapat menerima perubahan fizikal seperti badan yang gemuk, dan wajah yang tidak cantik akan merasakan perkembangan emosi mereka terjejas dan sukar dikawal. (Asmawati Desa 2004).

Masalah hubungan sosial-psikologikal yang terdapat dalam kajian yang dilakukan oleh Mohammad Hanafiah bin Maulud (1992), remaja menyatakan bahawa mereka sukar untuk berbual dengan rakan-rakan dan sentiasa gugup apabila bercakap dengan orang yang tidak dikenali. Hal ini berlaku kerana seseorang remaja itu tidak mempunyai keyakinan diri yang mantap apabila bercakap di khalayak ataupun dengan rakan sendiri. Hal ini terjadi mungkin disebabkan faktor didikan keluarga ataupun faktor persekitaran. Bagi remaja yang mengalami masalah ini, mereka mempunyai perasaan yang sangat sensitif dan tidak mempunyai ramai kawan rapat.

Masalah hubungan personal-psikologikal pula merupakan masalah yang berkaitan dengan konsep sendiri. Para remaja yang

mempunyai masalah ini akan mempunyai penurunan dalam kendiri mereka. Omrond (1998) menghuraikan bahawa penurunan dalam penghargaan kendiri menjadi lebih nyata apabila pelajar meningkat ke alam sekolah menengah, terutamanya di kalangan pelajar perempuan. Aspek kepuasan kendiri dalam konsep kendiri pelajar tersebut di panggil "*imaginary audience*". Oleh sebab remaja ini percaya bahawa mereka adalah di dalam perhatian ramai, maka mereka akan menjadi takut untuk berbuat salah. Dalam kajian yang dilakukan oleh Noran Fauziah Yaakub, Abdul Rahman Md Aroff, Othman Mohamed & Abdul Aziz Zakaria (1993) ke atas 1214 orang pelajar daripada 21 buah sekolah agama di seluruh Malaysia, mereka mendapati remaja dalam kajian ini merasakan perkembangan mereka adalah disebabkan faktor kendiri seperti disiplin diri, percaya pada diri sendiri serta yakin pada diri sendiri.

Seterusnya ialah masalah keadaan keluarga. Keadaan emosi negatif yang diluahkan oleh remaja dalam kajian Mohamed Hanafiah bin Maulud (1992) ialah perasaan tertekan kerana keluarga dan guru mengharapkan prestasi yang terlalu tinggi. Mereka mengakui merasa tertekan dengan harapan ibu bapa yang terlalu tinggi serta merasa amat bersalah jika gagal dan tidak suka menghampakan mereka. Terdapat juga keluhan daripada beberapa remaja dalam kajian tersebut yang memerlukan kasih sayang daripada ibu bapa mereka. Manakala responden dalam kajian Noran Fauziah Yaakub et al. (1993) mendapati beberapa faktor keluarga menjadi masalah terhadap perkembangan remaja ini. Pertama, remaja mengatakan bahawa konflik keluarga merupakan faktor utama yang menjejaskan perkembangan mereka. Ibu bapa dilaporkan sering bergaduh dan bertengkar. Kedua ialah kemiskinan keluarga dikatakan juga menjadi faktor yang menghalang perkembangan remaja kerana ia merupakan kegagalan ibu bapa untuk memberikan keperluan asas kepada anak. Selain itu, dalam kajian Jegede (1996) menyatakan bahawa persekitaran rumah yang bising menyumbang kepada ketidaktenteraman emosi bagi mereka.

Mengikut Hoffman, Paris dan Hall (1994), keluarga telah membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap, dan pemikiran seseorang dalam alam dewasa. Kajian-kajian terdahulu di Malaysia dan di barat telah menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan yang baik

telah dikaitkan dengan kesejahteraan hidup remaja dari aspek-aspek kepuasan hidup, konsep sendiri, tingkah laku seks, dan pencapaian akademik. Penglibatan remaja dalam gejala sosial di Malaysia hari ini seringkali dikaitkan dengan kelemahan hubungan kekeluargaan. Banyak perkara yang dilakukan oleh remaja tidak diketahui oleh ibu bapa mereka disebabkan tiadanya komunikasi yang berkesan antara kedua-duanya. Kesibukan ibu bapa mencari rezeki dikatakan punca keluarga tidak dapat meluangkan masa untuk mendengar cerita anak-anak, dan keadaan persekitaran rumah yang tidak selesa menjadikan remaja lebih senang bersama kawan-kawan di luar (Yunus 1984).

Masalah seterusnya ialah masalah moral dan keagamaan. Agama merupakan asas dalam sesebuah kehidupan, tidak terkecuali bagi para remaja. Dalam kajian yang dilakukan oleh Mohammad Hanafiah bin Maulud, (1992) menyatakan bahawa remaja berhadapan dengan dua masalah yang mengganggu mereka iaitu ingin menghampiri Tuhan dan takutkan hukuman Tuhan. Agama mempunyai rol intrinsik untuk mengekalkan identiti dan integrasi dalam menerima kerisauan, kecelaruan, dan ketakutan. Identiti sebagai konsep yang berkaitan dengan tingkah laku agama boleh dianalisis daripada perspektif identiti dianggap sebagai ‘pencari rohani’ untuk menggerakkan individu dalam situasi *diverse* dalam interaksi sosial (Chong Sheau Tsuey 2002).

Selain itu masalah yang turut mendapat min terendah ialah masalah pergaulan dan seks. Masalah ini wujud kerana kebanyakan remaja mempunyai perasaan mencintai dan ingin dicintai. Hal ini merupakan perkara yang normal berlaku dalam kehidupan masa remaja. Mahmood Nazar (2005) dalam bukunya yang bertajuk Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkah Laku Manusia menyatakan bahawa hubungan percintaan juga menjadi amat penting bagi remaja. Di antara kawan dan cinta, para remaja sering bertelingkah dengan keluarga bagi mendapatkan kebebasan hidup, untuk boleh membuat keputusan sendiri sebagai orang yang telah dewasa.

IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan kepada hasil kajian, beberapa implikasi telah dibuat, kajian ini memberi gambaran yang jelas bahawa memang wujud masalah-

masalah yang merungsingkan remaja. Kajian ini memberi gambaran bahawa faktor perbezaan pendidikan bukan jaminan untuk perbezaan masalah, sebaliknya masalah yang dialami sama ada di sekolah ataupun di universiti adalah tetap sama.

Hasil kajian ini sekurang-kurangnya dapat memberi pengetahuan kepada para remaja sama ada di sekolah mahupun di universiti bahawa mereka sebenarnya mengalami dan terdedah kepada masalah remaja yang sama. Selain itu, para kaunselor sama ada di sekolah ataupun universiti perlu merombak atau membuat perubahan dalam menangani permasalahan para remaja ini. Perhatian dan bimbingan amat diperlukan untuk mengurangkan masalah-masalah yang mereka hadapi

RUMUSAN KAJIAN

Kajian mengenai masalah remaja khususnya di peringkat sekolah dan peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPTA) adalah merupakan satu kajian yang perlu diberi perhatian yang penting. Para remaja ini sebenarnya menghadapi pelbagai cabaran dalam menyesuaikan diri dengan kehidupan sama ada daripada diri sendiri ataupun daripada persekitaran. Fenomena ini menyaksikan bahawa mereka ini seharusnya diberi perhatian serta bimbingan yang sewajarnya. Bertepatan dengan situasi ini, maka pendekatan kajian ini ditumpukan kepada remaja yang menuntut di tingkatan enam dan juga mahasiswa tahun satu yang berada di alam remaja akhir yang bakal beralih ke arah alam dewasa. Kajian juga dijalankan adalah untuk mengenal pasti serta meneliti keseluruhan masalah remaja yang telah menyebabkan kemerosotan kualiti kehidupan mereka.

Berasaskan kepada kajian yang telah dibuat dan dapatan yang diperolehi, beberapa kesimpulan dapat dibuat. Berdasarkan soal selidik yang diedarkan melalui ujian MPCL antara masalah yang disenaraikan ialah masalah kesihatan dan perkembangan fizikal, masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan, masalah aktiviti sosial, masalah hubungan sosial dan psikologikal, masalah hubungan personal dan psikologikal, masalah pergaulan dan seks, masalah keadaan keluarga, masalah aktiviti moral dan keagamaan, masalah penyesuaian terhadap kuliah/kerja sekolah dan masalah pelajaran dan kerjaya masa depan.

Sesuai dengan usia remaja yang masih menuntut di alam persekolahan atau universiti, masalah yang paling utama yang mencetuskan kebimbangan para remaja masa kini ialah masalah penyesuaian terhadap kuliah/kerja sekolah. Hal ini kerana dalam meniti alam persekolahan/perkuliahan yang baru terutama kepada mahasiswa tahun satu dan pelajar tingkatan enam, mereka ini masih mencari-cari bagaimanakah caranya untuk menyesuaikan diri dengan suasana persekitaran baru ini. Perkara ini diisebut sebagai '*culture shock*', iaitu remaja yang menghadapi masalah ini mengalami kejutan budaya dengan suasana di persekitaran yang serba baru bagi mereka.

Dapatan kajian juga jelas menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan semua permasalahan remaja antara mahasiswa tahun satu dan pelajar tingkatan enam. Hal ini kerana wujudnya perbezaan yang sedikit mengenai umur antara mahasiswa tahun satu dengan pelajar tingkatan enam. Jarak perbezaan umur antara kedua-duanya adalah tidak jauh sekitar satu hingga dua tahun sahaja. Malahan, ada di antara pelajar tingkatan enam di sekolah adalah sebaya dengan mahasiswa tahun satu di universiti. Hal ini terjadi kerana apabila tamat pengajian di tingkatan lima, mereka menyambung pelajaran di kolej matrikulasi selama setahun, berbanding dengan pelajar yang menyambung pelajaran ke tingkatan enam yang mengambil masa selama dua tahun. Oleh yang demikian tidak hairanlah jika dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara kedua-duanya.

Selain itu dapat dinyatakan juga di sini bahawa terdapat perbezaan yang signifikan masalah-masalah yang dikaji antara remaja lelaki dan remaja perempuan. Rogers (1977) menyatakan bahawa darjah ketegangan adalah berbeza mengikut umur, jantina dan individu. Maka tidak hairanlah jika hasil kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan antara jantina dengan permasalahan yang dikaji. Lelaki dan perempuan juga mempunyai perbezaan yang begitu ketara baik dari segi fizikal, mental, mahupun emosi.

Dapatan kajian juga menyatakan bahawa terdapat perbezaan semua permasalahan dengan tempat tinggal iaitu sama ada bandar atau luar bandar. Hal ini adalah disebabkan faktor persekitaran dan budaya tempat tersebut. Persekitaran memainkan peranan yang penting dalam membentuk seseorang individu. Hal ini juga tidak ketinggalan bagi remaja, faktor persekitaran sangat mempengaruhi diri mereka sama

ada di bandar atau di luar bandar. Cara didikan juga berbeza antara keduanya. Selain itu, budaya bagi kedua dua tempat tinggal ini juga adalah berbeza. Hal ini amat mempengaruhi cara hidup remaja sekaligus ia mempengaruhi masalah yang akan dihadapi oleh individu apabila ia mencapai umur dewasa kelak.

Oleh yang demikian, walau apa pun jua keputusan yang diperolehi dalam kajian ini, tumpuan harus yang diberikan untuk membantu remaja mengurangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh remaja. Kajian yang dilakukan ini hanyalah secebis daripada usaha untuk menyedarkan pihak-pihak terbabit untuk terus menyokong remaja dan terus berusaha untuk mencari penyelesaiannya. Sokongan dan bantuan daripada ibubapa, guru, kaunselor, pihak kerajaan dan orang awam dalam menangani masalah para remaja ini amatlah diperlukan. Hal ini kerana remaja merupakan tonggak masa depan negara. Memetik kata-kata Presiden Suharto, 'Berilah aku sepuluh orang lelaki muda, nescaya aku boleh menakluki negara' dan dipadankan lagi dengan pepatah orang lama, 'Pemuda tiang negara, pemudi harapan bangsa'.

RUJUKAN

- Abdul Razak Abdul Rahman. 1979. Realibiliti dan Ujian Kembali dan Split Half bagi Mooney Problem Check List untuk pelajar-pelajar pengajian tinggi. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anastasi, A. 1982. *Psychological Testing*. New York: Mc. Milan Co.Inc
- Asmawati Desa. 2004. *Psikologi untuk golongan profesional*. Ed. ke-2. Universiti Kebangsaan Malaysia: Mc. Graw Hills.
- Azlina Abu Bakar. 2002. *Psikologi Personaliti Individu*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn Bhd.
- Baldwin, James M. 1960. *Dictionary of Philosophy and Psychology*. Gloucester Masschussets: Peter Smith Co.
- Che Sharifah Saidin. 1984. Transisi masalah penyesuaian diri di kalangan pelajar tahun satu Universiti Kebangsaan Malaysia. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia

- Chiam, H. K. 1976. Problem of Adolescence in Malaysia Proceeding Asian Workshop on Child and Adolescence Development. Jakarta: Faculty of Psychology, University of Indonesia.
- Chong Sheau Tsuey dan Khaidzir Hj. Ismail. Status Identiti Remaja Cina: Antara Identiti Kerjaya dan Peranan Gender. Seminar Kebangsaan Ke-3 Psikologi dan Masyarakat: Gejala Sosial Dalam Masyarakat. 4 & 5 Oktober 2004. Anjuran Bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Persatuan Psikologi Malaysia (PSIMA) dan Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, UKM.
- Griffith, B.A & Griggs, J.C. 2001. Religious identity status as a model to understand access, and interact with client spiritually, *counseling values*. 46(1) : 14 - 26
- Hamidah Hussin. 1986. Masalah – Masalah Pelajar Melayu di sebuah Institusi Pengajian Tinggi: Satu perbandingan antara pelajar tahun pertama dengan pelajar tahun empat. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Indeks Belia Malaysia 2006.
- Khaidzir Hj. Ismail dan Khairil Anwar. 2005. Keribadian dan Tingkah Laku Kriminal di Kalangan Remaja: Suatu Perspektif Psikologi Perkembangan. *Indonesian Psychological Journal*. 20(4): 313-329.
- Khaidzir Hj. Ismail, Hanina Halimatussadiyah Hamsan, Suzana Mohd Hoesni dan Rumaya Johari. 2003. Remaja Resilen dalam keluarga Berisiko. *Jurnal Kerja Sosial*. 2: 63-83
- Khaidzir Hj. Ismail dan Khairil Anwar. 2004. Personaliti dan Jenayah: Kajian Kes Remaja Banduan dan Pondok di Pekan Baru Riau, Indonesia. Seminar Hasil Penyelidikan Peringkat Kebangsaan Siri III. Anjuran Unit of Research, Development & Commercialization, UITM di Riviera Bay Resort, Melaka. 21 Februari 2004.
- Khairil Anwar dan Khaidzir Hj. Ismail. Jenayah dan Remaja: Satu Kajian Dalam Perspektif Psikologis. International seminar of Islamic Thoughts. Islam: Past Present and Future, 7-9 Disember 2004 Anjuran UKM dan Kementerian Penerangan Malaysia
- Mahmood Nazar Mohamed. 2005. *Pengantar Psikologi: Satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bhasa dan Pustaka

- Mokhlisa Janury. 1978. Masalah Penyesuaian di Kalangan Remaja Awal Dalam Masyarakat Melayu Bandar dan Luar Bandar. Latihan ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mooney, R.L. 1942. Surveying High Student Problems by The Mean of Problem Check List. New York: The Psychological Corporation.
- Mooney, R. L. 1950. The Manual 1950 Revision. The Mooney Problem Check List. New York: The Psychology Corporation.
- Musa Daia. 1977. Satu kajian mengenai masalah pelajar Melayu di kelas matrikulasi dan tingkatan enam rendah sains dalam tiga buah sekolah menengah kebangsaan, Kuala Lumpur. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya.
- Muss, R.E. 1990. Adolescent Behaviour and Society. Mc. Graw Hill Publishing Com
- Noran Fauziah Yaakub, Abdul Rahman Md. Aroff, Othman Mohamed dan Abdul aziz Zakaria. 1993. Family dynamics and adolescent development: perceptions of Malaysia religious school student. Kertas dibentangkan di Seventh Biennial Conference Asian Reigional Association for Home Economics. 19-23 Julai, Concord Hotel. Kuala Lumpur.
- Norulhuda Sarnon dan Khaidzir bin Hj. Ismail. 2002. Ponteng Sekolah dan Profil EQ Remaja. Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia, 18: 119-132.
- Nurmi, J., Millicent, E. P. & Kalakoski, V. 1996. Age Differencess in Adolescenct Identity Exploration and Comitment in Urban and Rural Environment. Journal of Adolescence 19: 443 - 452
- Omron, J. E. 1998. Educational Psychology Developing Learners. Ed. ke-2. Merill Prentice Hall.
- Papalia, D. E. & Olds, S. W. 2001. Development. Ed. ke-5. Amerika Syarikat: Mc. Graw Hills Co.
- Rogers, D. 1977. The Psychology of Adolescence. New Jersey: Prentice Hall, Inc Englewood Cliffs.
- Rohana Zubir. 1974. Perception of adolescent problem by teachers and their pupils in selected from form four english medium secondary school in Kuala Lumpur and Petaling Jaya. Tesis sarjana. Universiti Malaya.
- Rohaty Mohd Majzub, Abdullah Mohd Noor. 2001. Persepsi Remaja Terhadap Masa Hadapan. Jurnal Pendidikan 26: 37-52

- Seow Mei Ling. 1996. Masalah Penyesuaian di kalangan pelajar tahun satu Universiti Kebangsaan Malaysia. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Steinberg, L. 1993. *Adolescence*. New York: McGraw-Hill, Inc.
- Steinberg, L. & Fletcher, A. 1994. Parental monitoring and peer influences on adolescent substance use. *Pediatrics*, 93(6): 1060-1065
- Sugumaran A/L Murusamy. 1983. Masalah kaum remaja di kalangan penuntut tahun satu Universiti Kebangsaan Malaysia. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suzana Mohd Hoesni, Wan Azreena Wan Jaafar, Khaidzir Hj. Ismail dan Hanina Halimatussadiyah. Remaja Skinhead: Ciri-ciri dan Perkaitannya dengan Masalah Sosial. Seminar kebangsaan Ke-3 Psikologi dan Masyarakat: Gejala Sosial Dalam Masyarakat. 4 & 5 Oktober 2004. Anjuran Bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Persatuan Psikologi Malaysia (PSIMA) dan Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, UKM.
- Tripathy, Swarm L. 1986. Adjustment Problems of College Student. *Asian Journal of Psychology and Education*. 17(1): 11-14.
- Semua remaja perempuan bermasalah pernah laku seks. 2008. Utusan Online. 8 Mei.
- Woolfolk, A. E. 1995. *Educational Psychology*. Boston: Allyn & Bacon.
- Zakiah Daradjat. 1975. *Problem Remaja di Indonesia*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Zan Mohd Zain. 1990. Masalah-masalah Pelajar Melayu: Satu Perbandingan di antara sekolah berasrama penuh dengan sekolah biasa. Latihan Ilmiah. Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia.